

## **Penilaian Kurikulum Bahasa Jepun Berpandukan Standard *Common European Framework of References for Languages* (CEFR) di Universiti Malaysia Kelantan**

Nurul Fatihah Hanapi  
[fatihah@umk.edu.my](mailto:fatihah@umk.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

Yasmin See  
[yasminsee@uitm.edu.my](mailto:yasminsee@uitm.edu.my)  
*Universiti Teknologi MARA*

Wan Yusoff Wan Shahrudin  
[yusoff.ws@umk.edu.my](mailto:yusoff.ws@umk.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

Tg. Iffah Tuan Yazid  
[iffah@umk.edu.my](mailto:iffah@umk.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

Khuzaiton Zakaria  
[khuzaiton@umk.edu.my](mailto:khuzaiton@umk.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

### **ABSTRAK**

Kurikulum merupakan salah satu aspek penting dalam proses pembinaan sesebuah kursus, pembangunan program dan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun universiti. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) antara Universiti Awam di Malaysia yang menitikberatkan keberkesanan kurikulum dalam penawaran kursus bahasa asing seperti Bahasa Jepun, Mandarin, Arab, Sepanyol, Korea, Perancis, Jerman dan Thai. Pada tahun 2021, Universiti Malaysia Kelantan melalui Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan semakan kurikulum kursus bahasa asing dan menyelaraskan semua kursus berpandukan Standard *Common European Framework of References for Languages* (CEFR). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kurikulum kursus Bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kajian ini menggunakan Model Penilaian KIPP yang melibatkan dimensi konteks, input, proses dan produk. Sampel kajian terdiri daripada 145 orang pelajar semester ketiga yang mengambil kursus Bahasa Jepun. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi menilai dimensi konteks, input, proses dan produk. Hasil kajian menunjukkan penilaian kurikulum kursus Bahasa Jepun berpandukan standard *Common European Framework of References for Languages* (CEFR) sebagai bahasa asing di UMK adalah bersesuaian apabila hasil analisis min bagi keempat-empat komponen yang diukur berada pada tahap tinggi.

**Kata kunci:** kurikulum; bahasa asing; bahasa Jepun; CEFR.

## **Evaluation of the Japanese Language Curriculum Based on the Standard Common European Framework of References for Languages (CEFR) at Universiti Malaysia Kelantan**

### **ABSTRACT**

Curriculum is one of the important aspects in developing a course, programme development and the efficiency of the teaching and learning process whether at primary, secondary or university level. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) is one of the public universities in Malaysia that emphasizes curriculum effectiveness in offering foreign language courses such as Japanese, Mandarin, Arabic, Spanish, Korean, French, German and Thai. In 2021, Universiti Malaysia Kelantan through the Faculty of Language Studies and Human Development has taken the initiative to review the curriculum of foreign language courses and coordinate all courses based on the Common European Framework of References for Languages (CEFR). Thus, this study aims to evaluate the implementation of Japanese as a Third Language curriculum at University Malaysia Kelantan (UMK). This study has utilised the CIPP Evaluation Model which involved context, input, process and product. The study sample was consisting of 145 third semester students who took Japanese language course. This study has employed a questionnaire as an instrument to assess the context, input, process and product dimensions. The results of the study have indicated that the curriculum evaluation of the Japanese Language as a foreign language course in UMK is appropriate in accordance to the Common European Framework of References for Languages (CEFR) and based on the high level mean analysis of the four components measured.

**Keywords:** Curriculum; foreign language; Japanese Language; CEFR.

### **PENGENALAN**

Keperluan menguasai lebih daripada satu bahasa sudah menjadi satu kepentingan di dunia yang semakin mencabar kini. Penguasaan bahasa asing selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris merupakan satu nilai tambah kepada seseorang graduan apatah lagi desakan dalam dunia pekerjaan yang sentiasa mengutamakan kemahiran berbahasa, celik dalam bidang teknologi maklumat dan ketrampilan diri. Kemampuan menguasai bahasa asing seperti bahasa Jepun, Mandarin, Korea, Jerman, Perancis dan banyak bahasa lagi menjadikan seseorang graduan itu dapat menempatkan diri dalam pasaran kerja global yang pelbagai budaya.

Menyedari kepentingan menguasai bahasa asing, Universiti dan juga kolej di Malaysia kini telah menjadikan bahasa selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai kursus elektif mahupun kursus wajib universiti. Hal ini demikian kerana hubungan saling berkaitan antara kemahiran pelajar dalam berkomunikasi menggunakan bahasa asing yang dianggap sebagai bonus serta *soft skill* dan permintaan dunia pekerjaan pada masa kini. Pada era globalisasi dan dunia tanpa jaringan yang merentasi benua dengan adanya 4IR, pelajar bukan lagi seperti dahulu yang hanya menunggu peluang pekerjaan, namun kini mereka yang mewujudkan peluang pekerjaan (*job creator*). Justeru, pelajar yang mempunyai kelebihan berbahasa asing

mempunyai peluang yang lebih luas dalam menjalinkan hubungan dengan pihak industri atau pemegang taruh yang memegang ekonomi setempat mahupun dunia.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa asing di institusi pengajian tinggi telah lama dipraktikkan. Lam et al. (2020) menyatakan bahawa institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) turut menawarkan kursus bahasa asing sebagai kursus pelengkap dan menjadi nilai tambah dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia.

Pembelajaran dan pengajaran bahasa asing seperti bahasa Jepun sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia semakin meluas. Bahasa Jepun sebagai bahasa asing bukan sahaja diajar di sekolah-sekolah, malahan turut diajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa kedua atau bahasa asing menjadi salah satu elemen penting dalam membentuk kemahiran insaniah. Pembelajaran bahasa asing ini dapat menjadi medium untuk membina teknik komunikasi yang efektif dalam kemahiran bersosial (Siti Hajar et al., 2019). Perkara ini juga sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menitikberatkan penguasaan bahasa asing sebagai nilai tambah kepada setiap pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia yang juga dianggap sebagai salah satu langkah dalam penambahbaikan jenama pendidikan Malaysia pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang merupakan universiti awam ke-19 di Malaysia juga turut menawarkan kursus-kursus bahasa asing yang diletakkan di bawah Unit Bahasa Ketiga, Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan. Antara bahasa-bahasa asing yang ditawarkan adalah seperti bahasa-bahasa Eropah (bahasa Jerman, bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol), bahasa Asia Timur (bahasa Mandarin dan bahasa Jepun) serta bahasa Timur Tengah (bahasa Arab). Di samping itu, bahasa Melayu juga turut ditawarkan kepada pelajar antarabangsa. Penawaran kursus-kursus ini melibatkan ketiga-tiga kampus, iaitu Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli.

Dalam menawarkan kursus-kursus bahasa asing di institusi pengajian awam mahupun swasta di Malaysia, kurikulum merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Universiti Malaysia Kelantan mengambil inisiatif menjadikan kerangka *Framework of References for Languages* (CEFR) sebagai panduan dan rujukan dalam penyelarasan kurikulum bahasa asing. Kerangka ini adalah cara untuk menerangkan bagaimana pelajar atau seseorang bertutur dan memahami bahasa asing. Kerangka ini juga merupakan satu skala yang telah digubal serta direka khas oleh Majlis Eropah pada tahun 2001 bagi menggambarkan kecekapan dan penguasaan bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jepun dan bahasa-bahasa lain. Tujuan utama kerangka ini dibuat adalah untuk menyediakan asas yang sama untuk penjelasan silibus bahasa, garis panduan kurikulum, peperiksaan, buku teks dan lain-lain (Ibtisam Abdullah et al., 2020).

Pada tahun 2021, Universiti Malaysia Kelantan telah membuat semakan semula semua kursus bahasa asing dengan menjadikan CEFR sebagai panduan dalam penggubalan kurikulum semua kursus. Bermula daripada semakan yang telah dilaksanakan, kajian ini menjadi satu titik tolak untuk menilai keberkesanan kurikulum baharu bagi bahasa asing di UMK. Standard kurikulum yang baharu ini adalah sama bagi semua bahasa asing di UMK iaitu tahap A1 bagi tahap 1 dan tahap II. Justeru itu, kajian ini amat penting untuk dijalankan bagi menilai pelaksanaan kurikulum kursus Bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan menggunakan Model Penilaian KIPP yang melibatkan dimensi konteks, input, proses dan produk.

### OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui sejauhmanakah kursus Bahasa Jepun yang diambil dapat memenuhi pengetahuan dan kemahiran komunikasi yang diperlukan oleh pelajar UMK.
- ii. Mengetahui kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam kursus Bahasa Jepun di UMK.
- iii. Mengetahui sejauh manakah proses pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Jepun yang dipelajari memenuhi keperluan pelajar UMK.
- iv. Mengetahui kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Bahasa Jepun sebagai kursus elektif wajib universiti di UMK.

### TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini memfokuskan kepada PdP kursus Bahasa Jepun dan penilaian kurikulum yang telah dilaksanakan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Oleh itu, kajian literatur ini penting bagi melihat proses pelaksanaan PdP bahasa Jepun di Malaysia dan penilaian kurikulum berdasarkan model penilaian yang sesuai.

#### **Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun**

Ahmad Sohaimi (2007) menghuraikan tentang sejarah hubungan diplomatik antara Malaysia dan Jepun. Hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara ini terjalin selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hubungan yang terjalin ini juga disebabkan oleh faktor saling kebergantungan antara kedua-dua negara dengan Jepun memerlukan bahan mentah dan pasaran Malaysia. Manakala Malaysia pula memerlukan pelaburan dan bantuan ekonomi dari negara asing seperti Jepun. Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad selaku Perdana Menteri keempat pada awal tahun 1980-an telah meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara. Dasar ini juga telah mengukuhkan hubungan antara Malaysia dengan Jepun dalam bidang pendidikan serta memberi kesan dalam aspek lain seperti ekonomi dan politik.

Rentetan daripada pengaruh Jepun yang semakin kuat di Malaysia sejak awal tahun 1980-an selepas Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan, kursus Pengajian Jepun sama ada sebagai jurusan pengkhususan, kursus minor atau elektif telah diperkenalkan di universiti awam di Malaysia. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya antara universiti awam di Malaysia yang mula memperkenalkan kursus bahasa Jepun buat pertama kali pada tahun 1966 (Md Nasrudin Md Akhir et al., 2022; Leong, 1994).

Pembelajaran bahasa asing di Malaysia seperti bahasa Jepun bukan lagi satu fenomena baharu di Malaysia. Roswati dan Haslina (2007) menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi perhatian serius berkaitan perkara ini sejak tahun 1960-an lagi, iaitu dengan menawarkan kursus-kursus bahasa asing pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Hal ini adalah berteraskan kepada dasar dan objektif kerajaan untuk menambah kemahiran berbahasa selain bahasa kebangsaan, pengetahuan tentang budaya sesebuah negara, membuka peluang mempelajari teknologi yang digunakan oleh negara lain, peluang dalam pekerjaan, galakan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara dan sebagai persediaan dalam menyediakan Malaysia ke arah sebuah negara multilingual (Roswati dan Haslina, 2007).

## **Penilaian Kurikulum Berasaskan Model Penilaian KIPP**

Penilaian kurikulum memainkan peranan penting dalam memperbaiki kualiti pendidikan sama ada pada peringkat sekolah mahupun universiti. Menurut Wan Mohd Tarmizi, Noorkhairan dan Mohammad Zamri (2018), dalam kajian penilaian pelaksanaan kurikulum Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam menunjukkan hasil kajian dengan menggunakan Model Penilaian KIPP yang melibatkan dimensi konteks, input, proses dan produk. Hasil kajian tersebut menunjukkan pelaksanaan kurikulum Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam di politeknik berada pada tahap yang tinggi apabila keempat-empat objektif kajian memperoleh nilai min pada aras yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan usaha Jabatan Pendidikan Politeknik memperkenalkan kursus ini di politeknik adalah tepat dalam usaha menjadikan pelajar politeknik sebagai pelajar yang mempunyai pengetahuan berkaitan komunikasi dan penyiaran Islam yang seiring dengan perkembangan globalisasi masa kini.

Surendran Sankaran dan Norazlinda Saad (2019) telah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevanan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Dapatan kajian menunjukkan bahawa variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevanan dan Kesesuaian Program ISMP mempunyai pengaruh signifikan dan positif terhadap Keberkesanan Program ISMP. Variabel Pensyarah dan Kemudahan, serta Kerelevanan dan Kesesuaian Program menjadi peramal yang signifikan kepada Keberkesanan Program ISMP. Ini menjelaskan bahawa kedua-dua variabel tersebut perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan program ISMP supaya dapat mewujudkan program yang berkesan.

Mohd Zulhimi, Mohamad Khairi dan Mohd. Isha Awang (2019) telah membincangkan tentang konsep dan penilaian kurikulum berserta model-model penilaian kurikulum dalam kajian keperluan penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Fokus perbincangan juga mengetengahkan beberapa isu dan permasalahan yang berbangkit merangkumi beberapa elemen penting iaitu matlamat serta hala tuju TMUA, pencapaian murid dalam hafazan, kemudahan yang disediakan serta proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Hasil perbincangan kajian ini mencadangkan terdapat keperluan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kurikulum TMUA dilaksanakan dalam tempoh terdekat bagi menambah baik pelaksanaan sedia ada di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hanifah Mahat et.al (2016) dalam kajiannya telah menilai keberkesanan Kurikulum Sains Sosial di Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam melahirkan pendidik yang seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi pendidikan lain di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan kurikulum di FSK, UPSI dari perspektif siswazah berada pada tahap yang memuaskan bagi tema keberkesanan kurikulum dan keberkesanan ko-kurikulum. Namun respons bagi tema keberkesanan kemahiran dan kemahiran kerjaya adalah kurang memuaskan dan perlu diberikan perhatian. Berdasarkan hasil kajian ini, semakan semula kurikulum pada peringkat universiti wajar mengambil kira perkara tersebut dan seterusnya menyediakan pelan tindakan bagi memantapkan kurikulum pendidikan sains sosial di UPSI.


## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif menggunakan kaedah tinjauan bagi menilai pelaksanaan kursus Bahasa Jepun tahap 1 di UMK dengan menggunakan Model KIPP yang melibatkan dimensi konteks, input, proses dan produk. Dalam kajian ini terdapat empat komponen utama yang dilihat: 1) maklumat dan kemahiran asas yang diperlukan oleh

pelajar UMK; 2) maklumat kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam Kursus Bahasa Jepun di UMK; 3) maklumat mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK; dan 4) maklumat mengenai kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Kursus Bahasa Jepun di UMK.

Model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP) merupakan teori yang telah dibangunkan oleh Stufflebeam (1971). Model ini memberikan orientasi penilaian berfokuskan kepada penyediaan maklumat untuk membuat keputusan hasil daripada penilaian. Model KIPP dianggap sebuah kerangka pemahaman untuk melaksanakan penilaian formatif dan sumatif terhadap program, projek, personal, produk, organisasi dan sistem penilaian (Rohana et al., 2019).

W. Mohd Tarmizi dan Noorkhairan Nordin (2018) telah mengubahsuai kerangka Model KIPP oleh Stufflebeam (1971) bagi penilaian pelaksanaan kurikulum kursus dalam menentukan penilaian konteks, penilaian input penilaian produk sebagaimana reka bentuk kajian dalam Rajah 1 di bawah.



RAJAH 1. Reka bentuk kajian W.Mohd Tarmizi & Noorhairan (2018)

Pensampelan merupakan satu elemen penting dalam sesebuah kajian. Fraenkel dan Wallen (2006) menyatakan bahawa pensampelan merupakan satu proses dalam memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan responden kajian. Pemilihan sampel yang tidak tepat juga menyebabkan kesukaran dalam mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data (Nor Kamaliah & Ahmad Zabidi, 2018). Kajian ini telah memilih pensampelan bertujuan bagi bagi mendapatkan sampel kajian. Jenis pensampelan ini dipilih kerana pengkaji telah meletakkan ciri-ciri responden yang akan terlibat dalam kajian ini. Antara ciri-ciri yang telah ditetapkan adalah seperti pelajar semester ketiga yang sedang mengikuti kursus Bahasa Jepun. Selain itu, jenis pensampelan ini dipilih kerana pengkaji ingin mendapatkan data secara segera yang melibatkan pelajar berbanding jenis pensampelan secara rawak yang mengambil masa yang lebih panjang bagi mendapatkan data. Seramai 145 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden merupakan pelajar bahasa asing yang sedang mengambil kursus Bahasa Jepun bagi Sesi September 2021/2022 di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.

Soal selidik dalam talian telah digunakan dalam mendapatkan data daripada kesemua responden. Soal selidik dalam bentuk *Google Form* telah diedarkan kepada kesemua responden bermula dari 2 Februari 2022 sehingga 6 Februari 2022. Kandungan soal selidik dibahagikan kepada dua (2) bahagian:

- i. Bahagian A: Profil demografi
- ii. Bahagian B:
  - a. Maklumat pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar UMK.
  - b. Maklumat kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam kursus Bahasa Jepun di UMK.
  - c. Maklumat mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK.

- d. Maklumat mengenai kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Bahasa Jepun di UMK.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil Responden

Seramai 145 responden telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan menggunakan *google form*. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar dari 7 fakulti yang berbeza iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Fakulti Sains Bumi (FSB), Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT), Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Seramai 113 responden (78.1%) merupakan pelajar perempuan, manakala 32 responden (21.9%) merupakan pelajar lelaki yang telah memberi respons kepada tinjauan kajian ini (Jadual 1).

JADUAL 1. Taburan Responden

Latar Belakang	<i>f</i>	%
Jantina		
Lelaki	32	21.9%
Perempuan	113	78.1%
Fakulti		
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	36	24.7 %
Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)	29	19.9 %
Fakulti Sains Bumi (FSB)	26	17.8 %
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)	23	15.8 %
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK)	17	11.6 %
Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	9	6.2 %
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	5	3.4 %
	<i>n</i>	145
		100.0

### Pengetahuan dan Kemahiran Asas

Hasil analisis min (*M*) bagi kelapan-lapan item yang mengukur komponen “pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar” adalah pada tahap tinggi (JADUAL 2). Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa kurikulum bahasa Jepun yang ditawarkan di UMK memberi penekanan kepada kefahaman teori dan praktikal ( $M = 4.57$ ,  $SD = 0.61$ ). Responden juga menyokong bahawa kurikulum baharu ini memenuhi kehendak kursus ( $M = 4.66$ ,  $SD = 0.53$ ), kehendak semasa ( $M = 4.65$ ,  $SD = 0.52$ ) dan seiring dengan kehendak misi serta visi fakulti ( $M = 4.59$ ,  $SD = 0.56$ ). Di samping itu, responden juga berpendapat bahawa kurikulum ini juga memberi penekanan terhadap aspek praktikal dalam kelas (*hands on*) ( $M = 4.54$ ,  $SD = 0.62$ ). Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa kurikulum membantu pelajar dalam dunia pekerjaan ( $M = 4.53$ ,  $SD = 0.61$ ), memenuhi wawasan negara ( $M = 4.43$ ,  $SD = 0.62$ ) dan mampu melahirkan pelajar yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Jepun.

JADUAL 2. Maklumat pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar

Bil.	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
1.	Kurikulum ini memberi penekanan kepada kefahaman teori dan praktikal.	4.57	0.61
2.	Kurikulum memenuhi kehendak kursus.	4.66	0.53
3.	Kurikulum memenuhi kehendak semasa.	4.65	0.52
4.	Kurikulum memenuhi kehendak visi dan misi fakulti.	4.59	0.56
5.	Kurikulum memberi penekanan aspek praktikal ( <i>hands on</i> ).	4.54	0.62
6.	Kurikulum membantu pelajar dalam dunia pekerjaan.	4.53	0.61
7.	Kurikulum memenuhi wawasan negara.	4.43	0.62
8.	Kurikulum berjaya melahirkan pelajar yang mampu berkomunikasi dalam Bahasa Jepun.	4.63	0.59

### Kekuatan dan Kelemahan Silibus

Hasil analisis min (*M*) terhadap lapan item yang mengukur komponen “kekuatan dan kelemahan kandungan silibus kursus Bahasa Jepun” juga pada tahap tinggi (JADUAL 3). Hasil analisis min mendapati responden bersetuju dengan jumlah jam pertemuan antara pensyarah dan pelajar ( $M = 4.48$ ,  $SD = 0.63$ ). Selain itu, responden turut bersetuju bahawa kandungan silibus sesuai dalam beberapa aspek, antaranya adalah kandungan silibus mencapai objektif kursus ( $M = 4.61$ ,  $SD = 0.56$ ) serta mengikut tahap yang ditetapkan ( $M = 4.63$ ,  $SD = 0.57$ ). Responden juga bersetuju bahawa silibus yang dirangka sesuai dengan standard aras rendah A1 CEFR ( $M = 4.57$ ,  $SD = 0.59$ ). Responden turut bersetuju bahawa kandungan silibus kursus sesuai dengan tempoh PdP selama 14 minggu ( $M = 4.60$ ,  $SD = 0.58$ ). Responden juga bersetuju bahawa kandungan silibus baharu ini lebih mudah untuk difahami ( $M = 4.61$ ,  $SD = 0.56$ ) dan masa yang diperuntukkan adalah mencukupi ( $M = 4.43$ ,  $SD = 0.75$ ).

JADUAL 3. Maklumat kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam kursus Bahasa Jepun di UMK

Bil.	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
1.	Jumlah jam pertemuan sesuai.	4.48	0.63
2.	Silibus sesuai dengan objektif kursus.	4.61	0.56
3.	Silibus sesuai mengikut tahap.	4.63	0.57
4.	Silibus berkembang mengikut tahap.	4.61	0.57
5.	Silibus kursus sesuai dengan standard CEFR A1.	4.57	0.59
6.	Kandungan silibus sesuai dengan 14 minggu pengajaran dan pembelajaran (PdP).	4.60	0.58
7.	Silibus mudah difahami.	4.61	0.56
8.	Masa yang diperuntukkan mencukupi.	4.43	0.75

### Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Hasil analisis min (*M*) terhadap sembilan item yang mengukur komponen “proses pengajaran dan pembelajaran” yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK adalah pada tahap tinggi (JADUAL 4). Hasil analisis min mendapati bahawa responden bersetuju bahawa pensyarah



dan guru bahasa yang mengajar bahasa Jepun di UMK mempunyai pengetahuan dalam bidang yang diajar ( $M = 4.79$ ,  $SD = 0.46$ ). Responden juga bersetuju bahawa mereka didedahkan dengan tema-tema yang bersesuaian dengan tahap mereka ( $M = 4.74$ ,  $SD = 0.51$ ). Responden turut merasakan bahawa penyampaian oleh tenaga pengajar adalah kreatif dan menarik ( $M = 4.69$ ,  $SD = 0.51$ ). Selain itu, responden juga bersetuju bahawa kaedah PdP yang diguna adalah bersesuaian dengan keupayaan pelajar ( $M = 4.68$ ,  $SD = 0.53$ ). Responden juga bersetuju bahawa mereka diberi peluang mengemukakan idea ( $M = 4.68$ ,  $SD = 0.53$ ) dan mereka juga didedahkan dengan aktiviti yang bersesuaian dengan tema ( $M = 4.73$ ,  $SD = 0.48$ ). Di samping itu, responden menyokong bahawa PdP bahasa Jepun adalah menyeronokkan ( $M = 4.72$ ,  $SD = 0.51$ ). Hasil dapatan turut mendapati bahawa responden bersetuju pensyarah mengguna alat bantu mengajar yang efektif ( $M = 4.64$ ,  $SD = 0.59$ ) serta memberi ruang kepada pelajar menghubungi mereka pada luar waktu PdP ( $M = 4.70$ ,  $SD = 0.54$ ).

JADUAL 4. Maklumat mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK

Bil.	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
1.	Pensyarah mempunyai pengetahuan dalam bidang yang diajar.	4.79	0.46
2.	Latihan yang diberikan sesuai dengan tema.	4.74	0.51
3.	Penyampaian yang kreatif dan menarik.	4.69	0.51
4.	Kaedah pdp sesuai dengan keupayaan pelajar.	4.68	0.53
5.	Pelajar diberi peluang mengemukakan idea.	4.68	0.53
6.	Pensyarah mendedahkan pelajar terhadap aktiviti yang bersesuaian dengan tema.	4.73	0.48
7.	Pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.	4.72	0.51
8.	Pensyarah menggunakan alat bantu mengajar yang efektif.	4.64	0.59
9.	Pensyarah memberi ruang kepada pelajar untuk menghubunginya di luar waktu PdP	4.70	0.54

### Kepuasan terhadap Pelaksanaan Kursus Bahasa Jepun

Hasil analisis min ( $M$ ) terhadap sembilan item yang mengukur komponen “kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Bahasa Jepun di UMK” adalah pada tahap tinggi (JADUAL 5). Hasil analisis min mendapati bahawa responden bersetuju bahawa pensyarah atau guru bahasa memberi penekanan dalam penglibatan pelajar semasa proses PdP berlangsung ( $M = 4.53$ ,  $SD = 0.73$ ). Responden turut bersetuju bahawa tugas pelajar disemak mengikut tempoh ( $M = 4.59$ ,  $SD = 0.57$ ) dan mereka menyokong bahawa penyampaian oleh tenaga pengajar adalah kreatif serta menarik ( $M = 4.64$ ,  $SD = 0.55$ ). Selain itu, responden bersetuju bahawa pensyarah atau guru bahasa memberi bimbingan tambahan kepada pelajar memahami tema yang dipelajari ( $M = 4.68$ ,  $SD = 0.53$ ). Responden turut bersetuju bahawa PdP adalah mengikut silibus yang ditetapkan ( $M = 4.68$ ,  $SD = 0.51$ ) serta masa yang telah ditetapkan ( $M = 4.66$ ,  $SD = 0.52$ ). Responden juga menyokong bahawa sesi soal jawab semasa PdP dijalankan melibatkan semua pelajar ( $M = 4.66$ ,  $SD = 0.54$ ) dan pelajar mampu menyelesaikan latihanyang diberikan ( $M = 4.68$ ,  $SD = 0.54$ ). Akhir sekali, responden bersetuju bahawa proses PdP adalah mengikut silibus kursus yang disediakan ( $M = 4.70$ ,  $SD = 0.50$ ).

JADUAL 5. Maklumat mengenai kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Kursus Bahasa Jepun di UMK

Bil.	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
1.	Penglibatan pelajar dalam PdP diberi penekanan.	4.53	0.73
2.	Tugasan pelajar disemak mengikut tempoh.	4.59	0.57
3.	Penyampaian yang kreatif dan menarik.	4.64	0.55
4.	Pelajar diberi bimbingan tambahan untuk memahami tema yang dipelajari.	4.68	0.53
5.	Pengajaran dan pembelajaran mengikut silibus yang ditetapkan.	4.68	0.51
6.	Pensyarah mengajar mengikut waktu PdP yang ditetapkan. *dalam talian / <i>online</i> satu (1) jam.	4.66	0.52
7.	Pelajar boleh menyelesaikan latihan yang diberikan.	4.68	0.54
8.	Sesi soal jawab melibatkan semua pelajar.	4.66	0.54
9.	Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan silibus kursus yang disediakan.	4.70	0.50

Jadual 6 menunjukkan ringkasan analisis min bagi keempat-empat komponen yang dikaji. Analisis min mendapati bahawa tahap persepsi pelajar terhadap keempat-empat komponen yang dikaji, iaitu “pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar” ( $M = 4.57$ ,  $SD = 0.47$ ), “kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam Kursus Bahasa Jepun di UMK” ( $M = 4.57$ ,  $SD = 0.50$ ), “proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK” ( $M = 4.71$ ,  $SD = 0.44$ ), dan “kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Kursus Bahasa Jepun di UMK” ( $M = 4.65$ ,  $SD = 0.47$ ) berada pada tahap tinggi.

JADUAL 6. Ringkasan analisis min

Komponen	<i>M</i>	<i>SD</i>	Interpretasi
a. Maklumat pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar	4.57	0.47	Tinggi
b. Maklumat kekuatan dan kelemahan kandungan silibus yang terdapat dalam Kursus Bahasa Jepun di UMK	4.57	0.50	Tinggi
c. Maklumat mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti memenuhi keperluan pelajar UMK	4.71	0.44	Tinggi
d. Maklumat mengenai kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Kursus Bahasa Jepun di UMK	4.65	0.47	Tinggi

## KESIMPULAN

Secara kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap kursus Bahasa Jepun di UMK berpandukan standard *Common European Framework of References for Languages* (CEFR) adalah bersesuaian apabila hasil analisis min bagi keempat-empat komponen yang diukur berada pada tahap tinggi. Justeru itu, Model Penilaian KIPP yang melibatkan dimensi konteks, input, proses dan produk yang digunakan dalam kajian ini diharap dapat digunakan untuk tujuan penilaian kurikulum bagi kursus-kursus lain di universiti. Penilaian terhadap sesuatu kurikulum adalah penting bagi melihat keberkesanan serta kesesuaian kurikulum

tersebut dengan keperluan pelajar yang mengikutinya semasa proses pembelajaran dan pengajaran (PdP).

### RUJUKAN

- Ahmad, Sohaimi Lazim (2007) *Pengaruh Jepun Terhadap Bidang Pendidikan Di Tanah Melayu (Malaysia) 1941-1990-an*. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Hanifah Mahat et.al . (2016). “ Keberkesanan kurikulum pendidikan sains sosial di Malaysia: Kajian perspektif guru siswazah dan pengetua sekolah di UPSI”, P 37-48, <http://journalarticle.ukm.my/9800/1/5ok.geografia-jan16-hanifah-edkatam1.pdf>
- Ibtisam Abdullah, Ashinida Aladdin, Mohammad Azwan Kamaruddin (2020). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Berteraskan Standard CEFR: Satu Kajian Tahap Penguasaan Bahasa. Prosiding Webinar Kebangsaan Isu P & P Bahasa Arab di IPT 2020.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Lam, K.C., Suib, N.A.B., Hoe, F.T., & Wee, S.P. (2020). Faktor Pemilihan Kursus Bahasa Cina Dan Bahasa Jepun: Satu Kajian Perbandingan: Factors on Choosing Chinese and Japanese: A Comparative Study. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(1). <https://doi.org/10.51200/manu.v31i1.2096>
- Md Nasrudin et al. (2022). Pengajian Jepun di Malaysia. Terengganu: Penerbit UMT. P 7-10.
- Mohd Zulhilm Haron, Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang (2019), Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research*. 1. 289-316.
- Nor Kamaliah binti Mohamad & Ahmad Zabidi bin Abdul Razak. Kepimpinan Sekolah dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Kalangan Guru di Dungun, Terengganu. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. P 45-63.
- Roswati Abdul Rashid et al. (2007). Kepelembagaan Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (Hiragana): Satu Kajian Deskriptif. *3L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature*, v 13.
- Siti Hajar, Hiyama Junko, Nurul Sabrina, Zulida, Rosmahalil. (2019). Faktor, Sikap, Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. 16 (1). P 105-115.
- Surendran Sankaran & Norazlinda Saad .(2019). “Penilaian Program Sarjana Muda Pendidikan: Model CIPP sebagai asas”, p 132-140, <http://www.ijmtss.com/PDF/IJMTSS-2019-08-06-13.pdf>.
- Wan Mohd Tarmizi, Noorkhairan & Mohammad Zamri, “ Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam di Politeknik: Kajian di Politeknik Melaka”, p29-34, [https://www.researchgate.net/publication/344386312\\_Penilaian\\_Pelaksanaan\\_Kurikulum\\_Kursus\\_Komunikasi\\_Dan\\_Penyiaran\\_Islam\\_Di\\_Politeknik\\_Kajian\\_Di\\_Politeknik\\_Melaka](https://www.researchgate.net/publication/344386312_Penilaian_Pelaksanaan_Kurikulum_Kursus_Komunikasi_Dan_Penyiaran_Islam_Di_Politeknik_Kajian_Di_Politeknik_Melaka)

### Penulis

Nurul Fatimah binti Hanapi merupakan pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan di bawah Jabatan Pengajian Bahasa. Bidang kepakaran beliau adalah linguistik bahasa Arab dan Kesusasteraan.

Wan Yusoff bin Wan Shaharuddin merupakan pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan di bawah Jabatan Pengajian Insan. Bidang kepakaran beliau adalah komunikasi interpersonal.

Yasmin See merupakan Pensyarah di Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau adalah pengajian bahasa Mandarin sebagai bahasa asing.

Tg. Iffah binti Tuan Yazid merupakan Guru Bahasa di Universiti Malaysia Kelantan di bawah Jabatan Pengajian Umum. Bidang kepakaran beliau adalah bahasa Jepun sebagai bahasa asing.

Khuzaiton binti Zakaria merupakan Guru Bahasa Kanan di Universiti Malaysia Kelantan di bawah Jabatan Pengajian Umum. Bidang kepakaran beliau adalah bahasa Melayu.